

PRAKTIS
4

Kedaulatan Negara Dicabar

Tajuk
7
Perjuangan Kemerdekaan Negara
NOTA
PINTAS

Kuasa Asing di Tanah Airku

Strategi penjajah mendapatkan Tanah Melayu:

Naungan

- Naungan bermaksud perlindungan yang diberikan oleh kuasa asing kepada sesebuah wilayah atau negeri.
- Negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu adalah negeri naungan Siam dan perlu menghantar ufti kepada Siam.

Campur tangan


- Campur tangan ialah kuasa asing mencampuri hal ehwal pentadbiran negeri secara langsung.
- Residen British dilantik bagi membantu pemerintah tempatan dalam urusan pentadbiran.

Penjajahan

- Penjajahan bermaksud kuasa asing menjadikan sesebuah negeri sebagai wilayah taklukan.
- Kuasa asing menguasai dan mengawal negeri taklukan bagi memperoleh kepentingannya dalam politik, ekonomi dan sosial.


Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing

Kronologi kuasa asing yang menjajah negara kita:



Bumi Bertuah Menjadi Rebutan


Faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita:



Kesan terhadap Pentadbiran Akibat Penjajahan

Negeri	Tahun	Kesan
Negeri-negeri Selat	1826	- Pulau Pinang, Singapura dan Melaka digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat. - Merupakan Tanah Jajahan Mahkota. - Ditadbir oleh Gabenor.
Sarawak	1841	- Pemerintahan bercorak monarki diperkenalkan. "Rajah Putih" adalah gelaran bagi pemerintah Sarawak. - Pentadbiran dibahagikan kepada lima bahagian dan ditadbir oleh Residen.
Borneo Utara (Sabah)	1881	- Hal ehwal pentadbiran Borneo Utara menerima arahan daripada Lembaga Pengarah SBUB di London. - Gabenor mengetuai pentadbiran negeri.
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	1896	- Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang digabungkan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. - Residen British dilantik untuk menguruskan pentadbiran negeri dan tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	1909 dan 1914	- Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu menjadi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu sebelum Johor menyertainya pada tahun 1914. - Penasihat British membantu dalam urusan pentadbiran negeri.

Kesan Sosial dan Ekonomi Akibat Penjajahan




Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan pendudukan kuasa asing di negara kita.

Buku Teks ms. 46



Apakah X?

- A Hadiah
- B Wang pitis
- C Persalinan
- D Bunga mas


2. Apakah strategi yang digunakan oleh kuasa asing untuk menguasai negeri Sarawak?

Buku Teks ms. 47

- A Campur tangan
- B Penjajahan
- C Naungan
- D Pakatan

3. Rajah berikut berkaitan dengan penjajahan di negara kita.

Buku Teks ms. 47



Apakah X?


- A Bangsa Portugal
- B Syarikat Hindia Timur Inggeris
- C Syarikat Borneo Utara British
- D Syarikat Hindia Timur Belanda

4. Apakah kuasa asing yang berjaya menjajah Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada tahun 1942?

Buku Teks ms. 49

- A Siam
- B India
- C China
- D Jepun

Soalan 5 dan Soalan 6 berdasarkan peta berikut.



5. Bagaimanakah British menguasai negeri X pada tahun 1874?

Buku Teks ms. 48

- A Perjanjian Inggeris-Belanda
- B Perjanjian Bangkok
- C Perjanjian Pangkor
- D Perjanjian Burney

6. Apakah negeri X?

Buku Teks ms. 48

- A Perlis
- B Kedah
- C Melaka
- D Kelantan

7. Apakah faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita?

Buku Teks ms. 50-51

- I Meningkatkan imej
 - II Revolusi Perindustrian
 - III Menguasai sumber alam
 - IV Menyebarkan tamadun Eropah
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

8. Negeri manakah yang dimasukkan dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1914?

Buku Teks ms. 52

- A Johor C Terengganu
- B Pahang D Negeri Sembilan

9. Apakah sumber kekayaan yang dieksploitasi oleh keluarga Brooke di Sarawak?

Buku Teks
ms. 50

- I Sagu
- II Rotan
- III Kayu balak
- IV Kapur barus
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Bilakah 'Rajah Putih' menguasai Sarawak?

Buku Teks
ms. 52

- A 1786
- B 1841
- C 1881
- D 1942

11. Apakah bentuk pemerintahan yang diperkenalkan oleh keluarga Brooke di Sarawak?

Buku Teks
ms. 52

- A Pemerintahan liberal
- B Pemerintahan monarki
- C Pemerintahan demokrasi
- D Pemerintahan berparlimen

12. Siapakah yang dilantik untuk menguruskan pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

Buku Teks
ms. 52

- A Gabenor
- B Residen British
- C Residen Jeneral
- D Penasihat British

13. Antara berikut, yang manakah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

Buku Teks
ms. 52

- I Johor
- II Kedah
- III Melaka
- IV Selangor
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Apakah tanaman komersial yang diusahakan oleh keluarga Brooke?

Buku Teks
ms. 53

- A Padi
- B Nanas
- C Kelapa
- D Lada hitam

15. Apakah kesan ekonomi akibat penjajahan?

Buku Teks
ms. 53

- A Pertambahan hasil hutan
- B Pengurangan pembukaan ladang
- C Pertambahan bandar-bandar baharu
- D Perkembangan industri perlombongan

16. Maklumat berikut berkaitan dengan kesan penjajahan kuasa asing ke negara kita.

Buku Teks
ms. 54

• Ipoh • Taiping • Kuala Lumpur

Apakah kesan tersebut?

- A Kemajuan perlombongan emas
- B Kemajuan perusahaan getah
- C Kemajuan sistem pendidikan
- D Kewujudan bandar baharu

17. Apakah sekolah Inggeris pertama yang dibuka di Sabah?

Buku Teks
ms. 54

- A Sekolah St. Mary
- B Sekolah Methodist
- C Sekolah St. Elizabeth
- D Sekolah Queen Elizabeth

18. Apakah sistem perhubungan yang diperkenalkan oleh kerajaan British bagi mengaut kekayaan di negara kita?

Buku Teks
ms. 54

- I Telefon
- II Hospital
- III Dispensari
- IV Sistem pos
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Apakah sikap yang perlu ada pada setiap individu bagi memastikan negara kekal berdaulat? **KBAT Menilai**

- A Bertolak ansur
- B Berjiwa patriotik
- C Bersedia berperang
- D Berpandangan jauh

20. Apakah usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan kemajuan negara kita? **KBAT Menilai**

- A Merosakkan infrastruktur
- B Merealisasikan dasar kerajaan
- C Tidak menjaga nama baik negara
- D Tidak menyokong usaha yang dilakukan oleh pemimpin

Bahagian B

Kuasa Asing di Tanah Airku

1. Padankan cara kedatangan kuasa asing ke negara kita berdasarkan maklumat berikut. TP 1

Buku
Teks
ms.
46-47

A Penjajahan

B Naungan

C Campur tangan


- (a) Kuasa asing melibatkan diri secara langsung dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu.
- (b) Kuasa asing menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai wilayah taklukan.
- (c) Kuasa asing memberikan perlindungan kepada sesebuah wilayah atau negeri.
- (d) Melalui Perjanjian Pangkor, Perak perlu menerima Residen British bagi membantu pemerintah tempatan dalam pengurusan negeri.
- (e) Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu perlu memberikan bunga mas sebagai ufti kepada kerajaan Siam.

[5 markah]

Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing

2. Lengkapkan peta buih berikut berkaitan dengan kuasa asing yang pernah menjajah negara kita. TP 2

Buku
Teks
ms.
48-49



[5 markah]

Bumi Bertuah Menjadi Rebutan

3. Bulatkan jawapan yang betul. TP 2

Buku
Teks
ms.
50-51

(a) Portugis dan Belanda ingin menguasai Melaka untuk mengawal _____ di Kepulauan Melayu.

A laluan kapal dagang

B perdagangan rempah

(b) Kuasa asing ingin menyebarkan _____ di Tanah Melayu.

A agama Kristian

B agama Buddha

(c) Kekayaan hasil bumi dan _____ menyebabkan kuasa asing berusaha menjajah negara kita.

A sumber alam

B hasil laut

(d) Kuasa asing memerlukan _____ untuk mendapatkan bahan mentah dan memasarkan barangan mereka.

A tanah jajahan

B kawasan petempatan

(e) Kuasa asing mahu menempa _____ untuk diri sendiri dan negara.

A kemegahan

B kemasyhuran

[5 markah]

Kesan terhadap Pentadbiran Akibat Penjajahan

4. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. TP 3

Buku
Teks
ms. 52

(a) Negeri-negeri Selat dikenali sebagai Tanah Jajahan Mahkota.

☐

(b) Lembaga Pengarah menjalankan pentadbiran di negeri Sarawak.

☐

(c) Negeri-negeri Melayu Bersekutu diletakkan di bawah pentadbiran Gabenor.

☐

(d) Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menerima Penasihat British bagi menasihati sultan dalam urusan pentadbiran.

☐

(e) Pentadbiran Borneo Utara diketuai oleh Gabenor.

☐

[5 markah]



Bahagian C

Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing

Kedatangan kuasa asing telah menjejaskan kedaulatan negara kita.

1. (a) Nyatakan dua penjanjian yang ditandatangani oleh British dalam usaha menguasai negara kita. TP 3

Buku
Teks
ms.
48-49

[2 markah]

- (b) Apakah langkah-langkah untuk mengelakkan negara daripada dijajah semula? KBAT Mencipta

[3 markah]

Bumi Bertuah Menjadi Rebutan

2. (a) Nyatakan dua faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita. TP 2

Buku
Teks
ms.
50-51

[2 markah]

- (b) Apakah kepentingan semangat patriotik untuk mempertahankan kedaulatan negara?

KBAT Menilai

[3 markah]

Kesan Sosial dan Ekonomi Akibat Penjajahan

Dalam usaha mengeksploitasi kekayaan hasil bumi dan sumber alam, British memperkenalkan perubahan baharu. Hal ini memberikan kesan dari aspek sosial dan ekonomi.

3. (a) Nyatakan syarikat Eropah yang mengusahakan penanaman getah. **TP 1**

Buku
Teks
ms.
53-54

[1 markah]

- (b) Nyatakan dua kesan sosial akibat penjajahan British. **TP 2**

[2 markah]

- (c) Apakah pertanian komersial yang diperkenalkan oleh British? **KBAT** **Menganalisis**

[2 markah]

NILAI PATRIOTISME

Kita hendaklah mempertahankan kedaulatan negara dan memupuk semangat patriotik agar penjajahan tidak berulang.

